



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1)**  
**9 APRIL 2010**

Sehingga jam 8.00 pagi pada 9 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lapan (8) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) buah negeri seperti berikut:

1. Kedah (3)

- SMK Sultanah Asma, Kota Star melibatkan 2 orang pelajar yang dirawat sebagai pesakit luar.
- PLKN Lagenda Seri Negeri, Jalan Air Hangat, Langkawi melibatkan 10 kes, di mana 2 dimasukkan ke hospital dan selebihnya dirawat sebagai pesakit luar.
- Klinik Kesihatan Jeniang, Sik melibatkan 6 kes dan kesemuanya menerima rawatan pesakit luar.

2. Pahang (2)

- SMA Al-Attas, Pekan melibatkan 8 orang pelajar dan semua dirawat sebagai pesakit luar.
- PLKN Benum Hill, Raub melibatkan 10 orang pelatih dan semua dirawat sebagai pesakit luar.

3. Selangor (1)

- PLKN GeoKosmo, Sungai Selisek, Hulu Selangor melibatkan 4 orang pelatih dan cuma seorang sahaja yang dimasukkan ke hospital.

#### 4. Melaka (1)

- Rumah kediaman di Bukit Piatu melibatkan 2 anggota keluarga dan didapati positif influenza A(H1N1). Kedua-dua kes telah menerima rawatan sebagai pesakit luar.

#### 2. Pulau Pinang (1)

- PLKN Kem Syruz, Machang Bubuk, Bukit Mertajam melibatkan 15 pelatih, 3 daripadanya adalah positif influenza A(H1N1) dan kesemuanya dirawat sebagai pesakit luar.

Selain daripada dua kluster positif di Bukit Piatu dan Bukit Mertajam, keputusan ujian makmal bagi kluster-kluster lain di atas belum diterima.

Sementara itu, sehingga jam 5.30 petang 8 April 2010, jumlah terkumpul kes ILI yang masih dirawat di dalam wad adalah seramai 591 kes diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 55 kes (9.3%) telah disahkan positif influenza A(H1N1) manakala enam (6) kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Memandangkan kini terdapat beberapa laporan kluster ILI yang melibatkan sekolah dan institusi, pihak Kementerian ingin memohon kerjasama daripada para ibubapa/penjaga dan pihak sekolah/institusi supaya mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- Para ibubapa/penjaga dinasihatkan supaya memastikan anak mereka yang mempunyai gejala ILI mendapatkan rawatan segera dan tidak hadir ke sekolah.
- Pihak pengurusan sekolah/institusi diminta membuat pemerhatian dan pemantauan kesihatan pelajar setiap hari serta mengambil tindakan sewajarnya mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan sebelum ini. Kerjasama dan khidmat nasihat juga boleh diperolehi dari semua Pejabat Kesihatan Daerah seluruh negara.
- Pihak asrama sekolah/institusi dipohon supaya menyediakan kemudahan isolasi untuk kes-kes ILI. Semua kes-kes ILI perlu diisolasi sehingga simptom berakhir.

Orang awam diminta supaya terus berwaspada dan sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang disarankan sebelum ini. Kementerian juga ingin menasihatkan orang dewasa yang mempunyai faktor risiko seperti ibu mengandung, penyakit kronik seperti diabetes, penyakit buah pinggang, asma dan mereka yang obes supaya segera mendapatkan pelalian A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian Kesihatan di seluruh Negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 9 April 2010